

Asri: PAS tak perlu ubah strategi tawan Kelantan

KUALA LUMPUR, Khamis — PAS Kelantan tidak perlu strategi khas menawan semula negeri itu berikutan kekalahan Tengku Razaleigh Hamzah dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Ini kerana sebagai sebuah parti politik, PAS bergerak menurut strateginya sendiri yang telah diatur menurut kehendak masa dan keadaan.

Tambahan pula, kata Yang Dipertua parti itu, Datuk Asri Muda hari ini, soal kekalahan Tengku Razaleigh merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO itu merupakan soal ru-mahtangga UMNO.

"Menang atau kalah Tengku Razaleigh dalam perhimpunan Agung UMNO lalu itu tidak menjejaskan strategi PAS yang sedia ada menawan semula Kelantan," katanya.

Mengenai mesyua-

rat jawatankuasa agung PAS bagi membincangkan isu penahanan lima tokoh parti itu semasa mengadakan ceramah di Seberang Takir hujung Mei lalu, Datuk Asri berkata, isu itu merupakan salah satu perkara yang akan dibicarakan selepas hari raya nanti.

Sementara itu sumber PAS Ibupejabat PAS berkata, kekalahan Tengku Razaleigh, yang juga Ketua Perhubungan UMNO Kelantan, akan memperkukuh kedudukan PAS menawan semula negeri itu dalam pilihan-raya akan datang.

"Dalam krisis awal 1978 yang mengelirukan itu, ramai ahli PAS menyangka jika mereka menyokong Datuk Mohamad Nasir, mereka masih juga menyokong PAS," katanya.